



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2019
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah bersyukur kita kehadrat Allah Subahanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurniaNya juga dan dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita telah sama-sama melangkah ke tahun baru Masihi 2019 dengan penuh kesyukuran, keamanan dan kesejahteraan.

Sebagai warga perkhidmatan awam yang berperanan selaku tunjang dan nadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi bangsa dan negara, adalah perlu bagi kita untuk terus membuat pemberian, mempertingkatkan azam, semangat dan iltizam yang lebih tinggi bagi memperbaiki kelemahan, meningkatkan produktiviti dan bersikap proaktif terhadap inovasi yang boleh membawa pembaharuan yang relevan dan sesuai dengan keperluan semasa.

Dengan kehadiran Tahun Baru Masihi 2019, marilah sama-sama kita, khususnya warga perkhidmatan awam mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena dengan awal tahun Masihi 2019 dan seterusnya menjunjung tinggi hasrat Baginda itu melalui perpaduan semangat berpasukan, komitmen yang tinggi dan kerja keras kita selaku jentera penggerak Kerajaan Baginda. Antara lain Baginda bertitah seperti berikut:

- Mengingatkan kita supaya tidak boleh leka atau cepat-cepat berpuas hati walaupun unjuran pertumbuhan ekonomi pada tahun 2019 ini dijangka menjadi semakin lebih baik. Terdapat masih banyak cabaran untuk dihadapi, diantaranya adalah peredaran teknologi yang semakin pesat dan laju seperti Revolusi Perindustrian Keempat atau *Fourth Industrial Revolution*. Baginda juga menasihatkan agar kita menyertakan diri dalam rangkaian global untuk meningkatkan produktiviti dan peluang, dengan memastikan juga kita dapat memenuhi prasyarat piawaian dan peraturan, selain berupaya menyesuaikan diri dengan teknologi digital.
- Baginda mengingatkan kita tentang kesan ekonomi pada skop yang lebih luas, yang memerlukan kita untuk menyediakan dasar-dasar yang bersesuaian bagi menjalin kerjasama serantau dan antarabangsa. Perkara ini dikaitkan juga dalam konteks hubungan dengan negara-negara rantau ASEAN, yang mana kita perlu untuk berusaha ke arah proses membangun Komuniti ASEAN dan melipatgandakan lagi usaha memperkasa perdagangan intra-ASEAN. Ini adalah untuk membantu pertumbuhan ekonomi bergerak pantas di rantau ASEAN dan sekaligus memastikan kejayaan bagi generasi masa kini dan akan datang.



- 2 -

- Seterusnya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyarankan agar kita akan terus bergerak ke hadapan untuk menemui sasaran, dengan mengutamakan keperluan negara dan rakyat.
- Dalam hal ini, Baginda mengingatkan kita untuk melihat dengan kacamata yang jauh untuk jangka panjang, misalnya apabila kita bercakap mengenai dengan 'bumi hijau' yang mana kita dinasihatkan untuk mencapai ke arah sara diri dari hasil pertanian.
- Oleh yang demikian, kita hendaklah sentiasa kekal berusaha menuju ke arah sasaran atau matlamat yang ingin dituju sehingga berjaya. Begitu juga buat jentera perkhidmatan awam, Baginda menyarankan agar agensi-agensi Kerajaan mengamati perkara ini tanpa ada lagi sebarang alasan untuk mengabaikannya.
- Baginda juga menekankan agar kita sentiasa konsisten untuk mara ke hadapan dengan semangat juang untuk sama-sama membangun dan memastikan supaya bangsa kita senantiasa rajin berusaha dan tidak dipaliti oleh sindrom malas. Adalah penting bagi kita untuk tidak lari dari nilai-nilai luhur yang telahpun menjadi pegangan kita semenjak dari beratus tahun lagi iaitu nilai yang berkonsepkan MIB.
- Baginda merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua peringkat dalam perkhidmatan awam, pasukan-pasukan keselamatan dan sektor swasta di atas usaha ikhlas mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2018.

Di dalam usaha kita menjunjung dan mendukung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam itu, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya warga perkhidmatan awam di negara ini untuk mengambil langkah-langkah proaktif dalam penambahbaikan diri, produktif, berintegriti, berfikiran positif, berwawasan serta bersemangat waja bagi merealisasikan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Semangat berpasukan haruslah juga diteruskan dan dikekalkan dalam melaksanakan pembaharuan perkhidmatan awam yang lebih progresif melalui inisiatif-inisiatif pembaharuan dan pemberian sepertimana yang digariskan dalam Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (RKPA) 2016-2020 bagi mencapai matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035.

A handwritten signature in blue ink, appearing to be a stylized 'H' or a similar character.

...../3



- 3 -

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri sukacita menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhnjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di Luar Negara, atas segala usaha, khidmat bakti dan sokongan padu yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita selaku warga perkhidmatan awam dalam membangun negara akan sentiasa dirahmati dan diberkati serta mendapat petunjuk daripada Allah Subahanahu Wata'ala.

Selamat Tahun Baru 2019



(HAIJ ROSLAN BIN HAIJ TAJA'AH)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (2)JPM/SK/2019
Tarikh: 13 Jamadilawal 1440
19 Januari 2019